

# Gembira terima hadiah

■ CIK Koh Len Hwa (kiri) yang mewakili Zon Tengah menerima trofi pusingan Kuiz Ria 1981 dari isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah di Angkasapuri, Kuala Lumpur, malam tadi.

Memerhati sama ialah Ketua Pengarah Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, Datuk Zahari Abdul Rashid.

Zon Tengah yang mendapat 24 markah diwakili oleh Cik Norhana Jaafar, Encik Khok Seng Kiat, Encik N.Chandran dan Cik Koh Len Hwa menjadi juara Kuiz Ria 1981 mengalahkan Zon Utara yang mendapat 18 markah.

Kuiz Ria peringkat akhir ini disiarkan secara langsung oleh RTM. Turut menyaksikan ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat dan Menteri Tak Berfotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia